



SIRI KE 46

Oleh:
TAN SRI
SAMAD
IDRIS

Pisau bengkok makan sarung

SEKIRANYA ada ayam jantan lain yang berkокok, terutama yang lebih muda darinya sudah pasti dia akan terjut dari tempat berienggeknya dan melejang menunjukkan garangnya. Di sinilah selalunya berlaku perlagaan sekiranya ayam jantan yang seekor lagi melawan maka terjadilah perkelahian kerana ayam jantan yang muda ini telah merasakan dirinya sudah sampai masa baginya menguasai rebannya.

Dalam kita melihat gelagat ayam jantan ini ada lagi satu pepatah yang lebih kurang sama maksudnya yang diambil dari perlakuan binatang juga, iaitu kambing. Cuba amat-amati pepatah ini walaupun ia agak pendek tetapi kiasan dan sindirannya agak tepat menuju sasarananya, begini bunyinya:

Ibarat kambing jantan berlaga

Masing-masing hendak naik ke busut jantan

Telah menjadi tabiat haiwan jantan dari apa pun jenisnya bila sudah merasakan dirinya sudah besar dan agak gagah ia akan mencabar haiwan jantan yang lebih tua dan handal darinya. Dan menjadi tabiat kambing jantan pula kalau berlaga akan mencari tempat yang lebih tinggi dan biasanya busut jantan. Kalau yang seekor berjaya naik ke atas selalunya dialah yang menang.

Dalam dunia moden sekarang ini bolehlah diibaratkan busut jantan itu sebagai wang ringgit. Dari wang ringgit inilah dapat mempengaruhi orang ramai supaya dapat memberikan sokongan atau lain-lain maksud yang tertentu.

Dalam hal ini saya teringat satu ungkapan kata mengenai wang yang berbunyi:

Wang, kau bukan Tuhan

Tetapi semua kehendak berlaku olehmu

Begitulah halnya dengan kambing jantan tadi. Mereka akan berusaha hendak naik ke atas busut jantan kerana tandukannya bertambah kuat kalau ia berada di atas busut. Kerana itu biasanya kambing yang di bawah akan kalah. Tetapi sebelum ia menerima kekalahan ia akan berusaha pula untuk naik ke atas busut tersebut.

Begitulah sifat dan tabiat haiwan yang boleh kita ikhtibarkan juga dengan kerendah-kerendah insan di maya pada ini dan begitu jugalah pepatah ini diciptakan dari "alam terkembang menjadi guru"

Satu lagi pepatah yang berbunyi "pisau bengkok makan sarung" yang menggambarkan kecurangan dan kefidak-ikhlasan seseorang bila diberikan amanah oleh orang ramai sama ada amanah itu berupa harta benda, wang ringgit atau menjadi ketua dalam satu-satu kelompok dan golongan ia telah mengkhianati dan memecah amanah yang telah dia manakan.

Semakin galak pisau itu dicabut dan disarungkan semula makin cepatlah sarungnya dimakan oleh pisau yang bengkok tadi.

Dalam saya mengingat dan menilai akan pepatah petith ini, saya sesungguhnya kagum akan kepintaran dan kecerdikan orang tua-tua dulu dalam menciptakan pepatah.

Kita tahu pada waktu itu bukan saja sekolah tinggi atau menengah malah sekolah rendah pun tidak wujud. Dapat dikatakan sebahagian yang amat besar jumlahnya adalah buta huruf.

Mereka hanya dapat membaca dan menulis tulisan jawi ketika agama Islam berkembang di negara ini dan sebelum itu belum ada tulisan yang benar-benar difahami oleh masyarakat Melayu walaupun kita mengetahui ada satu tulisan yang menyerupai tulisan Jawa kuno tetapi tidak diketahui dengan jelas sejauh mana orang dapat memahaminya.